

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA BIL. 1/2010**

### **PENGUATKUASAAN KAEDAH-KAEDAH TANAH MELAKA (PINDAAN) 2009: KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN, CARA DAN PROSEDUR**

---

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah mengenai pindaan terhadap Kaedah-kaedah Tanah Melaka 1966 melalui pindaan Kaedah-kaedah Tanah Melaka (Pindaan) 2009.

2. Kaedah-kaedah Tanah Melaka (Pindaan) 2009 ("Kaedah tersebut") telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 17 Jun 2009 dan disahkan pada 1 Julai 2009. Tarikh kuatkuasa pindaan ini ditetapkan pada 1 Oktober 2009.

3. Dengan yang demikian, peruntukan dalam Kaedah tersebut yang pada 1 Oktober 2009 menjadi sebahagian daripada Kaedah-kaedah Tanah Melaka 1966 hendaklah dilaksanakan bermula pada tarikh kuatkuasa tersebut.

4. Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah melaksanakan dan mematuhi peruntukan dalam Kaedah tersebut serta mengambil perhatian beberapa perkara berikut:

4.1 hanya kesalahan di bawah subseksyen 214A(10), 214A(10A), 400(1), 400(2), 400(3), 424(1), 424(2), 425(1), 425(1A), 425A, 426(1), 426(1B), 427(1), 428(1), 428A dan seksyen 429 Kanun Tanah Negara 1965 sahaja boleh dikompaun tertakluk kepada persetujuan Timbalan Pendakwa Raya Negeri Melaka;

4.2 kadar kompaun yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah tidak melebihi lima puluh (50) peratus daripada jumlah denda maksimum bagi kesalahan tersebut; dan

4.3 semua format borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh, Kelapan dan Kesembilan hendaklah diikuti.

5. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan ("Pekeliling") Bilangan 10 Tahun 2009 sebagai rujukan dan Pekeliling adalah terpakai setakat mana ianya tidak bertentangan dengan Kaedah tersebut.

6. Pentadbir-pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya mematuhi dan melaksanakan arahan ini selaras dengan Kanun Tanah Negara 1965 dan Kaedah tersebut dengan sebaik-baiknya.

**(WAN IDRUS BIN WAN SARIFF)**

Pengarah Tanah dan Galian

Melaka

Bertarikh : 18 haribulan Februari 2010

No. Rujukan fail : PTGM. UP.100/3/2 (1)